

KEBERKESANAN PROGRAM LATIHAN INDUSTRI DI KALANGAN
PELAJAR JURUSAN DIPLOMA AKAUNTANSI DI POLITEKNIK -
POLITEKNIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



PTTAUTHM
AZRUL NIEMAN BIN ABDUL AZIZ
PERPUSTAKAAN TUN HUSSEIN ONN

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

0111-2-11111

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00080298 7

SCANNED
AVAILABLE ONLINE



KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA

JUDUL : **KEBERKESANAN PROGRAM LATIHAN INDUSTRI DI
KALANGAN PELAJAR JURUSAN DIPLOMA AKAUNTASI DI
POLITEKNIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Saya : AZRUL NIZAM BIN ABDUL AZIZ

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan Projek Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti
Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-

1. Projek Sarjana adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Projek Sarjana ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI, 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat tetap :

1206, Sungai Setar Kecil
Nibong Tebal, SPS
Pulau Pinang.
Tarikh : 20/09/2002

Disahkan oleh :


(TANDATANGAN PENYELIA)

Dr. NORAINI KAPRAWI

Pensyarah

Jabatan Pendidikan Teknik & Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan


Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Nama Penyelia

Tarikh : 20/09/2002

PENGESAHAN PENYELIA

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknik Dan Vokasional)”.

TANDATANGAN : 

NAMA PENYELIA : DR. NORAINI BT KAPRAWI

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2002

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



**KEBERKESANAN PROGRAM LATIHAN INDUSTRI DI KALANGAN
PELAJAR JURUSAN DIPLOMA AKAUNTASI DI POLITEKNIK-
POLITEKNIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

AZRUL NIZAM BIN ABDUL AZIZ

Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknik dan Vokasional)

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn


September 2002




PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGAKUAN

“Saya akui projek sarjana yang bertajuk ‘**KEBERKESANAN PROGRAM LATIHAN INDUSTRI DI KALANGAN PELAJAR JURUSAN DIPLOMA AKAUNTASI DI POLITEKNIK-POLITEKNIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**’ adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.



TANDATANGAN : 
NAMA PENULIS : **AZRUL NIZAM BIN ABDUL AZIZ**
TARIKH : 20 SEPTEMBER 2002

DEDIKASI

Dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi yang bagiNya segala ilmu di alam ini

Buat ayahanda Abdul Aziz Bin Abdullah dan Bonda Azizah Bt Yussof yang amat dikasihi, anakmu kini telah berjaya memakbulkan harapan kalian. Ketahuilah bahawa kalian adalah sumber inspirasi buat anakanda untuk mengejar impian ini. Kerana kalian, anakanda telah dapat mengharungi liku-liku hidup ini.

Dititipkan juga kepada.....

Adik-adikku tersayang, Norazlina, Shahril Azmi, Norazlinda, Shahril Affizal, Nuraini dan Norazian atas segala dorongan dan tiupan semangat daripada kalian. Terima kasih atas segalanya. Jasa kalian pasti tidak akan dilupakan. Semoga segala pengorbanan kalian akan dibalas dengan nikmat dan rahmat kehidupan selagi hayat dikandung badan.



PTTA UTHM
REPPUSATAKAAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Illahi kerana atas limpah rahmat dan kurniaNya, dapat juga saya menyiapkan projek sarjana yang telah diamanahkan kepada saya ini.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada Dr. Noraini Bt Kaprawi selaku penyelia kajian kerana telah banyak berkorban meluangkan masa dengan memberikan tunjuk ajar, panduan, bimbingan, maklumat dan nasihat kepada saya hinggalah saya telah berjaya menyiapkan projek sarjana saya ini.

Tidak lupa juga ucapan jutaan terima kasih saya kepada pegawai Unit Perhubungan dan Latihan Industri Politeknik Johor Bahru, Encik Aziz Bin Talib dan pensyarah daripada Politeknik Seberang Perai, Encik Abdul Aziz Bin Ishak kerana telah sudi memberikan kerjasama dan maklumat yang amat diperlukan bagi menyiapkan tugas ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang tidak lokek menghulurkan bantuan dan memberikan sokongan moral sepanjang projek sarjana ini dilaksanakan. Galakan, kerjasama dan dorongan kalian amatlah dihargai.

Rakaman penghargaan ini juga ditujukan kepada sesiapa sahaja yang pernah menghulurkan bantuan dalam apa jua bentuk dan sesungguhnya hanya yang maha Esa sahaja yang mampu membalasnya.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan program latihan industri politeknik di bidang perakaunan. Selain itu, tahap kesesuaian, kesediaan pelajar dan keberkesanan program latihan industri juga telah ditinjau. Kajian ini dijalankan pada September 2002 dan melibatkan seramai 60 orang pelajar Diploma Akauntasi semester 5 dan 6 iaitu masing-masing 20 orang pelajar daripada Politeknik Seberang Perai (PSP), Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) dan Politeknik Ungku Omar (PUO). Responden telah menjalani program latihan industri semasa berada di semester keempat. Seorang pegawai Unit Perhubungan dan Latihan Industri Politeknik Johor Bahru dan seorang pensyarah daripada Politeknik Seberang Perai telah ditemubual. Instrumen kajian ini melibatkan soal selidik dan juga temubual. Statistik deskriptif dan inferensi telah digunakan untuk menganalisa maklumat tersebut. Hasil dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa kesesuaian pelajar adalah pada tahap yang memuaskan. Kajian ini juga menunjukkan kesediaan pelajar berada pada tahap memuaskan. Keberkesanan program latihan industri pula berada pada tahap amat memuaskan. Dapatan juga menunjukkan bahawa responden daripada PSP, POLIMAS dan PUO mempunyai kepuasan pada tahap sederhana terhadap kesesuaian dan kesediaan pelajar manakala bagi keberkesanan program latihan industri, responden daripada PSP dan POLIMAS menunjukkan kepuasan yang tinggi manakala responden daripada PUO menunjukkan kepuasan yang sederhana. Selain itu, bukti-bukti menunjukkan faktor kesesuaian adalah penentu yang paling signifikan terhadap keberkesanan program latihan industri berbanding faktor kesediaan pelajar. Dapatan kajian yang terakhir telah menunjukkan bahawa faktor kesesuaian dan kesediaan pelajar menyumbang kepada 18% varians dalam keberkesanan program latihan industri. Di akhir kajian ini, satu instrumen pra-penilaian program latihan industri dalam bentuk senarai semak telah dibangunkan berdasarkan input dapatan kajian untuk kegunaan pelajar-pelajar politeknik.

ABSTRACT

The main purpose of this study is to examine the effectiveness of industrial training program among the Accounting Diploma Students from 3 polytechnic ; Polytechnic Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Polytechnic Ungku Omar (PUO) and Polytechnic Seberang Prai (PSP). The respondents involved were 60 students from the fifth and sixth semester who had undergone the industrial training program during their fourth semester. 20 students were selected from each polytechnic stated above. The data were collected through questionnaires, interview and personal review. In addition, descriptive and inferential statistic were used to analyze the data. The findings of this study showed that all the respondents were satisfied towards the appropriateness of the industrial training and their preparedness. The findings also showed that the level of effectiveness of industrial training program was high for PSP and POLIMAS but was moderate for PUO. The results of this study also showed that the respondents agreed that the appropriateness and student preparedness has been the factors that contribute to the effectiveness of the industrial training program. The appropriateness and student preparedness towards the industrial training program contribute 18 percent of the variance in the effectiveness of the industrial training program. A checklist questionnaire was built for students guidance and reference before they go for the industrial training program, based from the input gathered from this study.



PTIAUTHM
PUSAT PENYELIDIKAN DAN PENYELIDIKAN INDUSTRI
TUN AMINAH

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xvii

BAB 1 PENGENALAN

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar Belakang Masalah	2
1.2	Penyataan Masalah	5
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Persoalan Kajian	6
1.5	Hipotesis	6
1.6	Rangka Kerja Teoritikal	7
1.7	Skop Kajian	9
1.8	Kepentingan Kajian	9

1.9	Batasan Kajian	10
1.10	Definisi Konseptual Dan Pengoperasian	10

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.0	Pendahuluan	13
2.1	Kepentingan Program Latihan Industri	14
2.2	Objektif Program Latihan Industri	16
2.3	Keberkesanan Latihan Industri	17
2.4	Faktor-Faktor Keberkesanan Latihan Industri	
2.4.1	Kesesuaian Latihan Industri Terhadap Pelajar	19
2.4.2	Kesediaan Pelajar	20
2.5	Sorotan Kajian Lepas	21
2.6	Kesimpulan	22

BAB 3 METADOLOGI KAJIAN

3.0	Pendahuluan	23
3.1	Rekabentuk Kajian	23
3.2	Sampel Kajian	24
3.3	Tatacara Kajian	24
3.4	Pengumpulan Data	26
3.5	Instrumen Kajian	27
3.6	Kaedah Penganalisan data	29
3.7	Andaian Kajian	30
3.8	Kajian Rintis	30



BAB 4 ANALISIS DATA

4.0	Pendahuluan	32
4.1	Latar Belakang Responden	33
4.1.1	Jantina	34
4.1.2	Bangsa	34
4.1.3	Peringkat Semester	35
4.1.4	Pengalaman Kerja	36
4.1.5	Tempat Menjalani Latihan Industri	37
4.1.6	Pilihan Tempat Jalani Latihan Industri	37
4.2	Prosedur Untuk Menganalisis Data	38
4.3	Dapatan Kajian	
4.3.1	Tahap Kesesuaian Program Latihan Industri	40
4.3.2	Tahap Kesediaan Pelajar Menjalani Program Latihan Industri	42
4.3.3	Tahap Keberkesanan Program Latihan Industri	44
4.3.4	Perbezaan Persepsi Terhadap Tahap Kesesuaian, Tahap Kesediaan Pelajar Dan Keberkesanan Program Latihan Industri Di Antara Politeknik Yang Dikaji	46
4.3.4.1	Perbezaan Persepsi Terhadap Kesesuaian Program Latihan Industri Pelajar Di Antara Politeknik-Politeknik	46
4.3.4.2	Persepsi Pelajar Terhadap Tahap Kesediaan Pelajar Di Antara Politeknik-Politeknik	48



4.3.4.3	Keberkesanan Program Latihan Industri Di Antara Politeknik Yang Dikaji	49
4.3.5	Hubungan Di Antara Tahap Kesesuaian Dengan Keberkesanan Program Latihan Industri	51
4.3.6	Hubungan Di Antara Tahap Kesiediaan Pelajar Dengan Keberkesanan Program Latihan Industri	52
4.3.7	Sumbangan Kesesuaian Program Latihan Industri Dan Kesiediaan Pelajar Terhadap Keberkesanan Program Latihan Industri	54
4.3.8	Soal Selidik Terbuka	55
4.3.9	Temubual	57
4.4	Kesimpulan	59

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0	Pendahuluan	60
5.1	Perbincangan Dan Kesimpulan	60
5.1.1	Tahap Kesesuaian Program Latihan Industri Di Kalangan Pelajar Politeknik	61
5.1.2	Terhadap Tahap Kesiediaan Pelajar Untuk Menjalani Program Latihan Industri	63
5.1.3	Keberkesanan Program Latihan Industri Di Politeknik	64
5.1.4	Hubungan Di Antara Kesesuaian Program Latihan Industri, Kesiediaan Pelajar Dan Keberkesanan Program Latihan Industri Di Antara Politeknik	66



5.1.5	Hubungan Di Antara Kesesuaian Dan Kesiediaan Pelajar Dengan Keberkesanan Program Latihan Industri	68
5.1.6	Sumbangan Kesesuaian Dan Kesiediaan Pelajar Terhadap Keberkesanan Program Latihan Industri	69
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	71
5.3	Cadangan Dan Saranan	73
5.3.1	Cadangan Kepada Pelajar	74
5.3.2	Cadangan Kepada Pentadbiran Politeknik	74
5.3.3	Cadangan Kepada Organisasi Latihan Industri	75
5.3.4	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	76
5.4	Kesimpulan	77

BAB 6 CADANGAN REKABENTUK PRODUK

6.0	Pendahuluan	78
6.1	Latar Belakang Teori Penghasilan Produk	79
6.2	Objektif Penghasilan Produk	80
6.3	Rekabentuk Produk	
6.3.1	Bentuk Dan Ciri-Ciri Produk	80
6.4	Carta Alir Produk	82
6.5	Kronologi Pembinaan Produk	84
6.6	Permasalahan Dalam Pembinaan Produk	85
6.7	Bahan, Kos Dan Masa Membina Produk	85
6.8	Sasaran Pengguna Instrumen Pra-Penilaian Latihan Industri	86

6.9	Kegunaan Instrumen Pra-Penilaian Latihan Industri	87
6.10	Batasan Instrumen Pra-Penilaian Latihan Industri	87
6.11	Kelebihan Instrumen Pra-Penilaian Latihan Industri	87
6.12	Penutup	88

BIBLIOGRAFI DAN RUJUKAN	89
--------------------------------	----

LAMPIRAN A – G	95-111
-----------------------	--------



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Rangka Kerja Teoritikal	8
4.1	Peratus Responden Mengikut Bangsa	35
4.2	Peratus Responden Mengikut Pengalaman Kerja	36
4.3	Taburan Responden Mengikut Pilihan Tempat Latihan Industri	38
6.1	Carta Alir Produk	82



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Pemarkatan Item-Item Skala Likert	28
3.2	Dapatan Daripada Kajian Rintis	31
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	34
4.2	Peratus Responden Mengikut Semester	35
4.3	Taburan Responden Mengikut Tempat Latihan Industri	37
4.4	Jadual Tahap Kecenderungan	39
4.5	Skor Min Tahap Kesesuaian Program Latihan Industri	41
4.6	Skor Min Tahap Kesediaan Pelajar Menjalani Program Latihan Industri	43
4.7	Skor Min Tahap Keberkesanan Program Latihan Industri	45
4.8	ANOVA Untuk Kesesuaian Program Latihan Industri Di Kalangan Pelajar Antara Politeknik-Politeknik	47
4.9	Skor Min Bagi Tahap Kesesuaian Pelajar Di Antara Politeknik-Politeknik	47
4.10	ANOVA Untuk Tahap Kesediaan Pelajar Di Antara Politeknik-Politeknik	48

4.11	Skor Min Bagi Tahap Kesiediaan Pelajar Di Antara Politeknik-Politeknik	49
4.12	ANOVA Untuk Keberkesanan Program Latihan Industri Di Antara Politeknik-Politeknik	50
4.13	Skor Min Bagi Tahap Keberkesanan Program Latihan Industri Di Antara Politeknik-Politeknik	50
4.14	Jadual Korelasi Bagi Tahap Kesesuaian Dan Keberkesanan Program Latihan Industri	52
4.15	Jadual Korelasi Bagi Tahap Kesiediaan Pelajar Dan Keberkesanan Program Latihan Industri	53
4.16	Regresi Pelbagai Kesesuaian Program Latihan Industri Dan Kesiediaan Pelajar Terhadap Keberkesanan Program Latihan Industri	54



SENARAI SINGKATAN

KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
SPSS	-	<i>Statistical Program For Social Sciences</i>
SS	-	Sangat Setuju
S	-	Setuju
TP	-	Tidak Pasti
TS	-	Tidak Setuju
STS	-	Sangat Tidak Setuju
ITTHO	-	Institut Teknologi Tun Hussein Onn
KUITTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
POLIMAS	-	Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah
PUO	-	Politeknik Ungku Omar
PSP	-	Politeknik Seberang Prai
PJB	-	Politeknik Johor Bahru
JPTek	-	Jabatan Pendidikan Teknikal



PERPUSTAKAAN TUN KUNGU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

NO. LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	95
B	Kajian Rintis	102
C	Skor Min Kesesuaian	103
D	Skor Min Kesianaan Pelajar	104
E	Skor Min Keberkesanan	105
F	Temubual	106
G	Pra-Penilaian Latihan Industri	108



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020 terbit hasil daripada ucapan Perdana Menteri YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di dalam ucapannya di Persidangan Pertama Majlis Perdagangan Malaysia. Lantaran itu, wujudlah Wawasan 2020 dengan matlamat untuk membawa Malaysia ke arah sebuah negara yang maju dari segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian dan kebudayaan (Kerajaan Malaysia, 1991).

Salah satu unsur penting yang perlu ada untuk membangunkan sesebuah negara adalah sumber tenaga manusia. Ini kerana, hanya melalui kebolehan, kemahiran dan daya usaha rakyatnya sahaja sesebuah negara boleh membangun (Shahril, 1993). Dengan itu, perhatian yang sepenuhnya kepada aspek pembangunan sumber manusia haruslah dititikberatkan terutamanya dalam bidang teknik dan vokasional agar matlamat untuk menjadikan negara sebagai sebuah negara maju akan tercapai.

Politeknik sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang terlibat secara langsung dengan bidang teknik dan vokasional dilihat berperanan untuk membantu negara dalam menghasilkan graduan yang berpengetahuan dan berkemahiran melalui kurikulum yang dilaksanakannya. Di antara kurikulum politeknik yang didapati

banyak telah menyumbangkan dalam aspek pembangunan sumber manusia ialah latihan industri.

Menurut Fong Chan Ong (1994), latihan industri diperkenalkan dalam kurikulum pendidikan sebagai suatu usaha untuk menjadikan pendidikan dan latihan lebih berintegriti dengan kemahiran yang diperlukan di negara ini. Kepincangan di dalam sistem latihan ataupun pendidikan terutamanya dalam bidang teknik dan vokasional akan mengakibatkan kurangnya tenaga mahir yang seterusnya akan menyebabkan pertumbuhan industri menjadi lembab dan pengeluaran nasional menjadi rendah (Yahya Emat, 1993).

Latihan industri merujuk kepada latihan pekerjaan di mana seseorang akan mengaplikasikan pengetahuan teori mereka ke dalam bentuk pekerjaan sebenar di luar sistem persekolahan bagi menimba pengalaman kerja (Anis Laila Yop Abdullah, 1997). Di sini, matlamat utama latihan industri adalah lebih menjurus kepada mendedahkan pelajar ke alam pekerjaan yang sebenar bagi membolehkan mereka memperolehi pengalaman kerja yang cukup berharga agar boleh diaplikasikan di masa depan kelak.

Satu penilaian dan pemantauan secara terus menerus haruslah dilakukan agar matlamat atau objektif latihan industri itu tidak terpesong atau tersasar daripada landasan yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, adalah perlu satu kajian dilakukan ke atas keberkesanan program latihan industri agar hasrat politeknik untuk melahirkan pelajar-pelajar yang lebih berwibawa, lebih berkemahiran, berpengetahuan dan berpengalaman akan lebih mudah tercapai demi kepentingan pembangunan negara di masa depan.

1.1 Latar Belakang Masalah

Menurut Shahril (1993), diantara cabaran untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 seperti yang telah ditetapkan ialah untuk membentuk sebuah masyarakat yang makmur dengan ekonomi yang kukuh dan masyarakat yang

progresif dan dapat memanfaatkan teknologi dan turut menyumbangkan kepada peradaban sains dan teknologi pada masa depan. Dalam memperkatakan hal ini, aspek pembangunan sumber manusia adalah salah satu kompenan yang penting yang perlu diberikan perhatian yang serius oleh semua pihak bagi membentuk masyarakat yang progresif, berpengetahuan dan berkemahiran.

Menurut Nicholas dan Moss (1996) dan Oliver dan Hue (1996) dalam Laila (2001) menyatakan bahawa sesetengah individu yang sukar mendapat pekerjaan adalah disebabkan oleh kebolehan mereka yang tidak dapat disesuaikan dengan kehendak industri. Mereka juga telah menyatakan bahawa salah satu kekurangan dari segi kelayakan graduan perakaunan adalah pengalaman dalam latihan industri. Menurut mereka, keadaan ini wujud akibat tiada korelevan di antara kurikulum perakaunan dengan jangkaan daripada pihak majikan atau industri.

Dalam konteks pembangunan sumber manusia menurut Chew (1993), hanya melalui pendidikan samada pendidikan formal atau tidak formal merupakan satu kaedah yang utama untuk membangunkan sumber manusia. Oleh itu, langkah atau peraturan yang telah diperkenalkan oleh politeknik-politeknik di Malaysia yang telah mewajibkan program latihan industri kepada para pelajarnya adalah suatu langkah yang amat berfaedah dan berguna bukan sahaja kepada diri pelajar itu sendiri malahan juga kepada aspek pembangunan negara.

Menurut Anis (1999), latihan industri adalah suatu keadaan yang membenarkan para pelajar untuk mengaplikasikan kemahiran yang telah dipelajari di luar sistem persekolahan mereka dan untuk mendedahkan mereka terhadap pengalaman kerja. Selain itu, latihan industri juga telah dikenalpasti sebagai salah satu cara untuk memperolehi maklumat dan pengetahuan yang terkini dalam perkembangan teknologi semasa.

Namun begitu, banyak kajian telah menunjukkan bahawa matlamat untuk melahirkan seorang pelajar yang lebih berpengetahuan, berpengalaman dan lebih berkemahiran kesan daripada program latihan industri agak kurang tercapai sepenuhnya. Hal ini adalah mungkin disebabkan oleh pelbagai faktor seperti faktor tahap kesediaan pelajar dan faktor kesesuaian pelajar untuk menjalani program

latihan industri di mana faktor-faktor ini adalah penentu terhadap pencapaian matlamat dan objektif program latihan industri.

Selain itu, Shahril dan Habib (1999) telah menyatakan bahawa kebanyakan institusi-institusi pendidikan yang melatih tenaga kerja terlatih dan separa mahir terutamanya di bidang teknik dan vokasional hanya menitikberatkan kursus berbentuk teori sahaja dan kurang menekankan aspek amali dalam proses pembelajaran dan pengajaran mereka. Inilah yang telah menjadi sebab mengapa ramai daripada graduan gagal untuk bersaing semasa mereka berada di alam pekerjaan sebenar.

Keperluan untuk mengkaji keberkesanan program latihan industri juga telah disuarakan oleh Robyn Peterson (1992) dalam Khairiani, Hafizah dan Nik Ahmad Rizal (2001). Beliau telah menyatakan bahawa penentuan dan analisis ke atas latihan industri mesti dibuat secara sistematik dan menyeluruh kerana terdapat program latihan industri yang kerap menimbulkan masalah daripada menyelesaikan masalah.

Oleh itu, adalah perlu satu kajian lanjutan dilakukan untuk mengenalpasti sebab atau alasan yang menyebabkan keberkesanan program latihan industri di politeknik sering dipersoalkan.



PTAAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNJUNGAN AMINAH

1.2 Penyataan Masalah

Program latihan industri adalah suatu program yang penting kepada para pelajar khususnya dalam mempersiapkan diri para pelajar tersebut ke arah suasana alam pekerjaan yang sebenar. Namun begitu, seringkali terdengar suara-suara yang mempersoalkan akan keberkesanan program latihan industri terhadap para pelajar (Shahril, 1993) dan (Nicholson & Moss, 1990). Oleh kerana masalah yang wujud ini, ia mendorong pengkaji untuk meninjau “Keberkesanan Program Latihan Industri Di Kalangan Pelajar Diploma Jurusan Akauntasi di Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia”. Selanjutnya pengkaji akan meninjau tahap kesediaan pelajar, kesesuaian serta keberkesanan program latihan industri. Selain itu, sumbangan kesediaan pelajar serta kesesuaian terhadap keberkesanan program latihan industri akan juga dikaji.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah :

- a) Meninjau persepsi pelajar politeknik terhadap faktor-faktor keberkesanan program latihan industri.
- b) Mengukur tahap kesediaan pelajar politeknik untuk menjalani program latihan industri.
- c) Menilai persepsi pelajar terhadap kesesuaian program latihan industri di kalangan pelajar politeknik.
- d) Menilai keberkesanan program latihan industri.
- e) Mengenalpasti pembolehubah tidak bersandar yang lebih signifikan di antara tahap kesediaan pelajar dan kesesuaian program latihan industri dalam penentuan keberkesanan program latihan industri.
- f) Memberi cadangan kepada Jabatan Pendidikan Teknikal (JPTek) untuk meningkatkan keberkesanan program latihan industri di politeknik.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian yang telah dinyatakan, persoalan kajian adalah seperti berikut :

- i. Sejauh manakah tahap kesesuaian program latihan industri di kalangan pelajar perakaunan di politeknik ?
- ii. Apakah tahap kesediaan pelajar perakaunan di politeknik untuk menjalani program latihan industri ?
- iii. Sejauh manakah keberkesanan program latihan industri politeknik di bidang perakaunan ?
- iv. Adakah terdapat perbezaan persepsi yang signifikan terhadap tahap kesesuaian program latihan industri, kesediaan pelajar dan keberkesanan program latihan industri di antara pelajar perakaunan dari politeknik yang berlainan ?
- v. Bagaimanakah hubungan di antara kesesuaian program latihan industri dengan keberkesanan program latihan industri politeknik ?
- vi. Bagaimanakah hubungan di antara kesediaan pelajar perakaunan dengan keberkesanan program latihan industri politeknik ?
- vii. Sejauh manakah sumbangan kesesuaian program latihan industri dan kesediaan pelajar perakaunan terhadap keberkesanan program latihan industri politeknik ?

1.5 Hipotesis

Hipotesis kajian yang terhasil daripada persoalan kajian adalah :

Hipotesis Nul (Ho) Pertama :

Tiada terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar perakaunan daripada politeknik yang berlainan terhadap kesesuaian latihan industri.

Hipotesis Nul (Ho) Kedua :

Tiada terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar perakaunan daripada politeknik yang berlainan terhadap tahap kesediaan pelajar.

Hipotesis Nul (Ho) Ketiga :

Tiada terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar perakaunan daripada politeknik yang berlainan terhadap keberkesanan program latihan industri.

Hipotesis Nul (Ho) Keempat :


Tiada terdapat hubungan yang signifikan di antara kesesuaian program latihan industri dengan keberkesanan program latihan industri.

Hipotesis Nul (Ho) Kelima :

Tiada terdapat hubungan yang signifikan di antara kesediaan pelajar dengan keberkesanan program latihan industri.

1.6 Rangka Kerja Teoritikal

Rajah 1.1 menunjukkan rangka kerja teoritikal bagi kajian yang diadaptasi daripada kajian-kajian lepas (Ramlee, 1999), Hatcher (1995), Nurul Ashikin (2000) dan Gleeson (1985).



Rajah 1.1 Rangka Kerja Teoritikal

1.7 Skop Kajian

Kajian ini akan hanya melibatkan :

- a) Pelajar Diploma Akauntasi semester 5 dan 6 dari 3 buah politeknik iaitu dari Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Politeknik Seberang Prai dan Politeknik Ungku Omar.
- b) Seorang pegawai Unit Perhubungan dan Latihan Industri dari Politeknik Johor Bahru dan seorang pensyarah daripada Politeknik Seberang Perai.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan pelaksanaan program latihan industri di kalangan pelajar-pelajar Diploma Akauntasi Politeknik-Politeknik KPM.

Kepentingan kajian ini adalah :

- a) Untuk memberikan maklumat yang berguna kepada JPTEK, politeknik, majikan dan pelajar serta mendorong mereka untuk mengatasi kekurangan serta kekangan yang dikenalpasti agar latihan industri akan lebih mencapai objektifnya di masa depan.
- b) Untuk mewujudkan instrumen kajian yang dapat digunakan oleh JPTEK dan juga agensi-agensi lain seperti ADTEC, ILP dan IKM dalam usaha memperkukuhkan keberkesanan program latihan industri dan meningkatkan kualiti pelajar.
- c) Ia merupakan penyelidikan yang memberi tumpuan utama terhadap perhubungan di antara tahap kesediaan pelajar, kesesuaian dan keberkesanan program latihan industri di politeknik-politeknik KPM.

1.9 Batasan Kajian

Batasan kajian ini ialah :

- a) Kajian ini adalah berdasarkan kepada persepsi pelajar-pelajar Diploma Akauntasi semester 5 dan 6 di politeknik.
- b) Kajian ini dibuat dalam kekangan masa dan kekangan kewangan.
- c) Ketepatan kajian ini bergantung kepada keterbukaan responden untuk memberikan pandangan dan pendapat mereka secara ikhlas dan jujur serta tanpa prejudis.

1.10 Definisi Konseptual Dan Pengoperasian

Program :

Hajjah Noresah (2000) telah mentakrifkan program sebagai rancangan yang menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan.

Bagi tujuan kajian ini, program adalah merujuk kepada perancangan dan langkah-langkah yang diambil untuk menjalankan latihan industri agar ianya mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Latihan Industri :

Menurut Anis Laila (1999), latihan industri adalah satu keadaan yang membenarkan pelajar untuk mengaplikasikan kemahiran yang telah dipelajari oleh mereka ke dalam kerja praktikal yang berada di luar sistem persekolahan mereka untuk memperoleh pengalaman kerja manakala Mondy, Noe & Shane (1999) mentakrifkan latihan industri sebagai satu bentuk pengambilan pekerja yang melibatkan penempatan pelajar dalam melakukan kerja sementara, tanpa sebarang obligasi samada dari segi firma mengambalnya sebagai pekerja tetap atau pelajar berkenaan menerima jawatan tetap selepas tamat pengajian.

Pelajar :

Pelajar adalah pelajar jurusan Diploma Akauntasi di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Politeknik Seberang Prai dan di Politeknik Ungku Omar yang telah selesai menjalani program latihan industri masing-masing.

Keberkesanan :

Lutfi Abas & Awang Sariyan (1988) telah mendefinisikan keberkesanan sebagai usaha menghasilkan suatu pengaruh pada watak seseorang ataupun menimbulkan kesudahan yang dinanti-nantikan. Keberkesanan di dalam konteks kajian ini adalah untuk melihat perubahan-perubahan positif pada diri pelajar hasil daripada program latihan industri yang telah dijalani oleh para pelajar tersebut.

Keberkesanan Program Latihan Industri :

Bagi tujuan kajian ini, keberkesanan program latihan industri adalah berdasarkan kriteria-kriteria yang telah diadaptasikan daripada Nurool Ashikin (2000), Johari (1993), Gleeson (1985), Khairiani, Hafizah, Nik Ahmad Rizal (2001), Fesler & Cardwell (1999), English & Koeppen (1993), iaitu :

- Objektif
- Peningkatan pengetahuan dan pengalaman
- Peningkatan kemahiran
- Keyakinan
- Mutu kerja
- Kerjasama
- Pendedahan kepada alam pekerjaan sebenar.
- Peningkatan kemahiran

Kesesuaian :

Zainal Abidin Safarwan (1995) telah mendefinisikan kesesuaian sebagai mempunyai keselarasan, kepadanan, kesamaan dan kepatutan terhadap sesuatu.

Kesesuaian Program Latihan Industri Di Kalangan Pelajar :

Bagi tujuan kajian ini, kesesuaian program latihan industri adalah berdasarkan kriteria-kriteria yang telah diadaptasikan daripada Ramlee Mustapha (1999), Mondy et. al (1999), Fesler & Cardwell (1999), Ismail Asis (1999), Vijayakumari & Abdul Rahman, (1992), iaitu :

- Tempoh
- Kesesuaian antara latihan dan teori
- Kepuasan
- Majikan
- Jarak tempat tinggal

Kesediaan Pelajar :

Menurut Zainal Abidin Safarwan (1995), kesediaan pelajar merujuk kepada kesudian, kerelaan, kesanggupan dan kemampuan pelajar

Bagi tujuan kajian ini, kesediaan pelajar adalah diukur berdasarkan kriteria-kriteria yang telah diadaptasikan daripada Hyland (1994) dan Hatcher (1995), iaitu :

- Sikap
- Asas pengetahuan
- Asas kemahiran
- Faktor kewangan

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pendahuluan

Pendidikan Teknik dan Vokasional secara umumnya bolehlah didefinisikan sebagai suatu program pendidikan atau latihan yang berasaskan kemahiran teknikal manakala pendidikan akademik pula adalah pendidikan yang bersifat generik (Ramlee Mustapha, 1999). Namun begitu menurut Billet (1993), pembelajaran akan lebih berkesan jika pelajar didedahkan kepada suasana yang sebenar di mana pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dapat diaplikasikan secara praktikal.

Tujuan utama Kementerian Pendidikan Malaysia mewujudkan kurikulum latihan industri di politeknik adalah untuk mendedahkan para pelajarnya kepada suasana alam pekerjaan yang sebenar di dalam pelbagai bidang. Ini adalah penting bagi memantapkan lagi aspek pembelajaran teori yang telah mereka pelajari di politeknik apabila diadunkan dengan latihan amali semasa latihan industri dijalankan.

Persediaan kepada dunia pekerjaan adalah salah satu tujuan utama pendidikan (Wellington, 1993). Oleh itu, menyediakan latihan kepada para pelajar adalah salah satu aspek yang penting yang perlu dititikberatkan dalam memastikan agar para pelajar akan dapat bersaing dan menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan yang sebenarnya nanti.

2.1 Kepentingan Program Latihan Industri

Atkinson (1993) telah mendefinisikan program latihan industri sebagai satu usaha untuk meningkatkan peluang pelajar untuk mencapai kejayaan dalam hidupnya menerusi pemberian kemahiran industri tertentu supaya pelajar dapat mengisi kekosongan pekerjaan dalam pasaran dan memupuk kemahiran bersosial. Manakala menurut Kartini (2001), secara amnya program latihan industri adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar berkenaan suasana alam pekerjaan yang sebenar di samping untuk mendapatkan kemahiran untuk sesuatu kerjaya yang diceburi dan untuk menghasilkan graduan yang berkualiti dan profesional. Selain daripada itu, program latihan industri juga bermatlamatkan untuk mendedahkan para pelajar dengan ilmu pengetahuan dan perkembangan teknologi terkini agar mereka tidak ketinggalan dengan arus kemajuan dan pemodenan semasa (Anis, 1999).

Dengan menjalani latihan industri, pelbagai faedah akan dapat diperolehi oleh bakal-bakal graduan di negara ini amnya. Mengikut Smith (1968), terdapat empat faedah atau kebaikan terhasil daripada kewujudan program latihan industri iaitu :

- i. Dapat meningkatkan minat dan tumpuan pelajar dalam bidang yang sedang diikuti.
- ii. Membolehkan pelajar berpeluang melibatkan diri dalam satu kegiatan kerja dengan secara aktif.
- iii. Dapat menjimatkan masa kerana pelajaran teori dan amali yang dipelajari dapat digabungkan dalam satu proses pembelajaran dan akhir sekali ialah
- iv. Dapat meningkatkan pengetahuan yang berguna dari segi bimbingan yang diperolehi daripada pihak universiti dan lain-lain.

Selain memberikan manfaat dan faedah kepada diri para pelajar, kewujudan dan pelaksanaan program latihan industri juga turut sama memberikan faedah kepada pihak majikan iaitu apabila pelajar membantu dalam melicinkan perjalanan operasi dan pentadbiran syarikat (Mondy et al. 1999).

Selain daripada menawarkan program yang berbentuk teknologi dan kejuruteraan, salah satu daripada disiplin pendidikan teknik dan vokasional di politeknik ialah bidang perakaunan. Kermit D. Larson (1996) telah menyatakan bahawa tujuan utama perakaunan adalah untuk menyediakan maklumat berguna kepada pembuat keputusan seperti kreditor, pelabur dan sebagainya. Tidak kira apa jua kedudukan seseorang di dalam organisasi, pengetahuan perakaunan yang dimilikinya pasti akan membantu individu tersebut untuk lebih berjaya di dalam kariernya di masa depan.

Bidang perakaunan adalah suatu bidang profesional yang memerlukan kemahiran dan pengetahuan yang tinggi serta sentiasa perlu dikemaskinikan pengetahuannya. Oleh itu, pendedahan kepada latihan dan suasana alam pekerjaan yang sebenarnya amat dititikberatkan oleh badan-badan profesional perakaunan memandangkan kualiti graduan perakaunan selalunya kurang memuaskan. *Educational And Training Journal* (1990) telah mendedahkan bahawa terdapat satu kajian yang telah menunjukkan bahawa kebanyakan graduan perakaunan masih kurang berkemahiran walaupun mempunyai tahap ilmu pengetahuan yang tinggi.

Bagi mengatasi hal ini, badan-badan profesional perakaunan di Malaysia kini telah mensyaratkan supaya graduan perakaunan perlu untuk menjalani latihan sekurang-kurangnya 3 tahun di firma-firma perakaunan sebelum layak untuk bergelar akauntan dan mempraktikkan kerja-kerja perakaunan (MLA, 2002).

Salah satu sebab yang menyebabkan kualiti graduan perakaunan sering dipertikaikan sedangkan mereka juga telah menjalani program latihan industri semasa dalam sesi pengajian mereka ialah ketidak relevanannya antara kurikulum dengan kehendak industri. Hal ini telah disokong melalui satu pernyataan di dalam akhbar *The Star* (1993) iaitu :

“the existing training institution in this country especially vocational school, offer very little practical content in their courses such that new graduate frequently lack the practical skill required by the industry, and from the finding of some tracer studies, it appears that on average about 40% of trainees are employed in job not related to their training.”

Oleh itu, graduan perakaunan adalah perlu untuk memastikan organisasi tempat mereka menjalani latihan industri adalah bersesuaian dengan bidang dan kurikulum perakaunan yang telah dipelajari. Kegagalan mereka untuk berbuat demikian akan menyebabkan mereka bermasalah untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang bersesuaian (Nicholson dan Moss, 1990).

Namun begitu, hasil dapatan kajian oleh Noorul Ashikin (2000) ke atas graduan perakaunan dari Politeknik Kuching telah mendapati bahawa program latihan industri juga turut menyumbang kepada pembentukan sikap yang positif, meningkatkan kecekapan, keyakinan diri yang tinggi dan kemahiran merancang. Ismail (1999) pula telah mendapati bahawa latihan industri berupaya untuk meningkatkan kemahiran, pengetahuan, kebolehan dan kefahaman pelajar. Dennis (1996) pula telah menyatakan bahawa kebanyakan firma perakaunan awam mendapatkan pekerja yang berkualiti di samping untuk mengekalkan kos yang minimum. Melalui kajiannya juga, didapati firma perakaunan akan dapat memperolehi seorang graduan yang berkualiti di samping dapat menjimatkan kos operasi sekiranya pihak industri tersebut telah mengambil seorang graduan yang telahpun menjalani latihan industri untuk berkhidmat dengan mereka.

2.2 Objektif Program Latihan Industri Di Politeknik

Abu Sapian (1995) menyatakan bahawa antara tujuan program latihan industri adalah supaya orang yang dilatih mendapat pengalaman yang sebenar dalam menguasai dan mempraktikkan segala konsep, prinsip, kemahiran dan nilai yang dikehendaki. Hal ini pula adalah selari dengan dua objektif yang telah dinyatakan oleh Abdul Halim (1977) iaitu :

- a) Untuk meningkatkan kemahiran pelajar di dalam sesuatu bidang pengkhususan iaitu sebagai persediaan memasuki alam pekerjaan yang sebenar dan
- b) Untuk melatih para pelajar dalam pelbagai teknik bekerja mengikut keperluan industri.

Di sini, pendedahan kepada alam pekerjaan sebenar dan pertalian antara pembelajaran teoritikal dan amali adalah dua elemen penting yang mendominasi kepentingan program latihan industri diwujudkan dan dilaksanakan

Bagi politeknik pula, antara objektif latihan industri yang telah ditetapkan oleh Unit Perhubungan dan Latihan Industri PUO ialah :

- Mendedahkan pelajar ke alam pekerjaan.
- Menanam semangat kerja berpasukan dan perhubungan baik antara pekerja.
- Mengaitkan teori dan praktis atau sebaliknya.
- Mengamalkan peraturan keselamatan dalam industri.
- Membina keyakinan diri dan
- Memupuk semangat amanah dan bertanggungjawab.

2.3 Keberkesanan Program Latihan Industri

Menurut Noorul Ashikin (2000), pelajar yang telah menjalani program latihan industri akan dapat menggunakan pengalaman yang diperolehi sewaktu menjalani latihan industri tersebut dalam semester pengajian seterusnya. Pendedahan kepada alam pekerjaan yang sebenar juga akan memberikan pengalaman yang cukup berharga kepada pelajar. Hal ini adalah seperti yang dinyatakan oleh Johari (1993), yang berpendapat bahawa latihan industri adalah penting kerana program ini dapat membantu pelajar dari segi memperolehi pendedahan kepada praktis sebenar, kemahiran profesional dan membangunkan kualiti personal yang boleh disesuaikan untuk memenuhi sesuatu profesion.

Menurut Gleeson (1985), program latihan industri adalah penting kepada pelajar kerana lepasan sekolah tidak mempunyai banyak pengetahuan mengenai industri dan dunia pekerjaan mereka. Khairiani, Hafizah dan Nik Ahmad Rizal (2001) pula telah menyatakan bahawa program latihan industri secara zahirnya

mampu membawa kepada satu nilai tambah (*value added*) kepada pelajar daripada aspek ilmu, kemahiran, nilai dan etika, perwatakan dan penampilan diri. Dengan adanya kualiti-kualiti ini, pelajar akan lebih berkeyakinan untuk mengaitkan segala ilmu-ilmu teori yang telah dipelajari dalam situasi pekerjaan yang sebenar.

Peningkatan keyakinan diri adalah penting kepada pelajar agar mereka menyedari tentang kebolehan dan keupayaan diri serta tanggungjawab sebenar mereka. Hal ini adalah bertepatan dengan hasil kajian Fesler dan Cardwell (1999) yang telah menyatakan bahawa pelajar yang telah menjalani latihan industri mendapati bahawa mereka cepat menerima dan melakukan kerja dengan cepat serta berpuashati dengan keseluruhan tugas dan kerja yang telah diberikan. Begitu juga dengan hasil kajian oleh English dan Koeppen (1993) di mana dapatan kajian mereka telah menunjukkan bahawa latihan industri bagi pelajar perakaunan merupakan satu asas yang penting bagi mengukuhkan pengetahuan dan meningkatkan keyakinan dan motivasi pembelajaran mereka.

Noorul Ashikin (2000) melalui kajian yang telah dijelaskannya mendapati bahawa latihan industri telah memberi sumbangan yang besar terhadap pelaksanaan kerja sebenar serta cepat membantu dalam menyelesaikan masalah di tempat kerja. Dengan itu, program latihan industri turut sama menyumbangkan ke arah penghasilan mutu kerja yang positif dan menggalakkan.

Vicary dalam Warwick (1989), telah menyatakan bahawa pengalaman kerja yang merentasi kurikulum perlu ditekankan sekiranya pengalaman pembelajaran yang efektif dan relevan ingin dicapai. Manakala menurut Fong Chan Ong (1994) pula, latihan industri adalah sebagai satu usaha untuk menjadikan pendidikan dan latihan lebih berintegrasi dengan kemahiran yang diperlukan di negara ini. Ini juga adalah bersesuaian dengan pendapat Anis Laila Yop Abdullah (1999) yang telah menyatakan bahawa program latihan industri adalah sebagai satu cara untuk mendapatkan maklumat dan pengetahuan yang terkini tentang pembangunan teknologi semasa.

Salah satu daripada objektif latihan industri adalah untuk menanam semangat kerja berpasukan dan perhubungan yang baik sesama pekerja (Unit Perhubungan dan Latihan Industri POLIMAS, 2000). Perkara ini juga adalah bersesuaian dengan pendapat yang telah diutarakan oleh Bloomer (1988) di mana selain daripada aspek galakan membina tabiat menepati masa, galakan untuk membina tabiat bekerjasama dan berdikari juga turut sama perlu dititikberatkan.

2.4 Faktor-Faktor Keberkesanan Program Latihan Industri

Terdapat 2 pembolehubah yang menyumbang terhadap keberkesanan program latihan industri di dalam kajian ini iaitu tahap kesesuaian dan tahap kesediaan pelajar.

2.4.1 Kesesuaian Latihan Industri Terhadap Pelajar

Usahasama dan kerjasama antara pihak majikan dan politeknik ternyata telah memberi manfaat kepada kedua-dua pihak (Ramlee, 1999). Ini kerana, di pihak politeknik, usahasama dan kerjasama dengan industri akan membantu mereka untuk melatih para pelajar terutamanya melalui program latihan industri manakala bagi pihak industri pula, kerjasama yang dijalinan dengan politeknik membolehkan pelajar memberi sumbangan kepada organisasi berkenaan melalui pelaksanaan dan persembahan tugas-tugas semasa latihan (Mondy et. al, 1999). Selain itu, menerusi program latihan industri, pihak majikan boleh mengaplikasikannya sebagai satu strategi pengstafan yang berkesan iaitu satu strategi bagi menilai dan merancang apabila berlakunya pengambilan staff yang baru (Fesler & Cardwell, 1999).

Dapatan daripada kajian yang telah dijalankan oleh Ismail Asis (1999) juga telah menunjukkan bahawa pelatih akan memperolehi pengalaman yang bersifat positif terutamanya dalam membina budaya kerja pelajar tersebut sekiranya terdapatnya sokongan kerja oleh majikan, penyediaan suasana kerja yang selesa oleh

majikan serta penyediaan tugas yang selari dan bersesuaian dengan bidang pengkhususan pelajar oleh pihak majikan tersebut.

Para pelajar kini juga perlu untuk lebih didedahkan dengan teknologi dan pengetahuan terkini memandangkan negara berhasrat untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Oleh itu, kerjasama yang erat di antara kerajaan, institusi pengajian tinggi dan juga sektor swasta amatlah penting supaya dapat diwujudkan satu program latihan yang efektif dan relevan dalam memenuhi kehendak pasaran kerja (Vijayakumari & Abdul Rahman, 1992).

Faktor jarak tempat latihan industri dengan tempat kediaman juga boleh mempengaruhi sikap dan etika kerja pelajar. Ini kerana, sekiranya jarak antara tempat latihan industri dengan tempat kediaman adalah jauh, maka para pelajar akan lebih terdedah untuk datang lewat dan sebagainya. Hal ini adalah ditekankan oleh Hatcher (1995) yang mana melalui pengkajiannya telah mencadangkan adalah menjadi tidak mustahil faktor jarak boleh mempengaruhi sikap dan etika kerja pelajar semasa pelajar sedang menjalani latihan industri.

2.4.2 Kesediaan Pelajar

Program latihan industri juga boleh digunakan oleh pelajar untuk membentuk sikap dan etika yang positif sepertimana yang dikehendaki oleh majikan. Ini kerana, merujuk kepada Hyland (1994), melalui kajian yang telah dijalankan pada tahun 1980an telah menunjukkan bahawa majikan kurang berminat untuk mengambil pekerja berasaskan pencapaian akademik dan pengetahuan asas. Sebaliknya, majikan telah meletakkan kedudukan yang tinggi bagi kejujuran, kebolehpercayaan, ketepatan masa, sikap mahu belajar, kesetiaan kepada majikan, bertimbangrasa dan bekerjasama semasa di tempat kerja (Hatcher, 1995).

2.5 Sorotan Kajian Lepas

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan mengenai program latihan industri. Antaranya ialah kajian yang telah dijalankan oleh Armanjaya (2000) yang bertujuan untuk meninjau persepsi Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal di KUTTHO terhadap kesesuaian program latihan industri. Responden kajian ini adalah terdiri daripada 45 orang pelajar dan berbentuk tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Dapatan kajian telah menunjukkan lebih 50% daripada responden bersetuju terhadap pernyataan-pernyataan yang menyatakan program latihan industri dapat meningkatkan pengetahuan dan pengalaman mereka, dapat meningkatkan keyakinan dan mutu kerja mereka untuk bekerja, mendapat kerjasama yang penuh daripada majikan dan berpuashati dengan program latihan industri mereka.

Ng Eng Kong (1999) melalui kajiannya yang bertajuk Keberkesanan Program Latihan Industri Untuk Pelajar-Pelajar Tahun Akhir Sarjana Muda Teknologi Dengan Pendidikan (Kemahiran Hidup), UTM yang melibatkan 90 orang pelajar telah mendapati bahawa program latihan industri telah memberi kesan yang positif terhadap aspek objektif, jangkamasa, penempatan, kemahiran dan penyeliaan program latihan industri.

Manakala Noorul Ashikin (2000) melalui kajiannya yang bertajuk Persepsi Graduan Diploma Akauntasi Dari Politeknik Kuching Sarawak Terhadap Program Latihan Industri : Satu Penilaian pula telah mendapati bahawa semua responden memberikan reaksi yang positif terhadap program latihan industri. Responden kajian ini adalah terdiri daripada 83 orang pelajar dan dalam bentuk kajian tinjauan yang menggunakan borang soal selidik serta dianalisa dengan menggunakan perisian SPSS versi 10.0.

Hasil dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa hampir keseluruhan responden telah bersetuju bahawa program latihan industri sangat menyumbang kepada aspek-aspek pelaksanaan kerja yang positif seperti membentuk sikap yang positif, meningkatkan kecekapan, keyakinan diri serta kemahiran merancang. Selain itu, kajian ini juga telah menunjukkan bahawa program latihan industri telah

memberi kesan yang positif ke atas pelaksanaan kerja graduan di alam pekerjaan yang sebenarnya nanti.

2.6 Kesimpulan

Bidang perakaunan adalah suatu bidang profesional yang memerlukan kemahiran dan pengetahuan yang tinggi. Kesesuaian program latihan industri dan tahap kesediaan pelajar adalah kritikal dalam keberkesanan program latihan industri. Kegagalan industri untuk memastikan keberkesanan program latihan industri boleh menyebabkan masalah dalam peluang pekerjaan mereka.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 3

METADOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Di dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan mengenai rekabentuk kajian yang dijalankan, sampel kajian, instrumen kajian yang digunakan, pengumpulan data, kaedah analisa data yang digunakan dan andaian-andaian kepada penyelidikan ini.

3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah dalam bentuk penyelidikan tinjauan. Kajian tinjauan bermatlamatkan untuk mengumpulkan maklumat mengenai pembolehubah-pembolehubah dan mengukur pembolehubah-pembolehubah yang berkait dengan sesuatu fenomena (Mohd Majid Konting, 1990). Melalui kaedah tinjauan ini, kaedah penggunaan borang soal selidik dan temubual telah digunakan untuk mengutip data mentah daripada responden untuk mendapatkan dapatan kajian ini.

3.2 Sampel Kajian

Responden kepada kajian ini adalah terdiri daripada 60 orang pelajar Diploma Akauntasi semester 5 dan 6 iaitu dari Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Politeknik Seberang Prai dan di Politeknik Ungku Omar yang telah menjalani latihan industri selama 6 bulan semasa mereka berada di semester ke-4. Selain itu, seorang Pegawai Unit Perhubungan dan Latihan Industri di Politeknik Johor Bahru serta seorang pensyarah daripada Politeknik Seberang Prai yang mempunyai pengalaman selama 5 tahun menyelia pelajar yang menjalani program latihan industri juga telah dipilih sebagai responden kajian ini.

Pemilihan sampel adalah secara rawak kerana ianya akan dapat menjimatkan masa dan kos di samping bebas daripada bias (Muhamad Najib, 1999). Walaubagaimanapun, menurut Cates (1990), penyelidik hendaklah memastikan sesuatu sampel itu mewakili dan mempunyai ciri-ciri populasi yang dikaji. Maka di dalam kajian ini, sampel iaitu seramai 60 orang pelajar Diploma Akauntasi yang telah dipilih dianggap telah mewakili populasi pelajar Diploma Akauntasi di politeknik-politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia.

3.3 Tatacara Kajian

Tatacara kajian ini adalah seperti di bawah :

Mengadakan perbincangan dengan penyelia untuk menentukan bidang tujah yang sesuai bagi penyelidikan yang akan dijalankan.



Mengadakan perbincangan dengan penyelia untuk menentukan tajuk bagi tujuan kajian.



BIBLIOGRAFI DAN RUJUKAN

Abdul Halim Yahya (1977). "Peranan Profesional Dalam Industri Binaan". (Latihan Ilmiah Tidak Diterbitkan). UTM, Skudai.

Abu Sapien Jasin (1995). "Cabaran Dan Strategi Dalam Pembentukan Guru Bagi Menghadapi Wawasan 2020." dalam "Pendidikan Guru : Cabaran, Falsafah, Strategi Dalam Pembentukan Guru Yang Unggul." Selangor : Nurin Enterprise. 82-87.

Anis Laila Yop Abdullah (1999). "The Perception Of Pre Service Polytechnic Lecturers Regarding Industrial Training." A Research Study / Case Study. ITTHO.

Armanjaya Amirullah (2000). "Persepsi Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Semester 7 Terhadap Program Latihan Industri Di ITTHO : Satu Tinjauan." ITTHO.

Atkinson (1993). "Laboring To Learn ? Industrial Training For Slow Learners". *Educational Research*. London : Kynes.

Bidin Yatim (2000). "Statistik Gunaan." Universiti Utara Malaysia, Kedah.

Billet, S (1993). "What's In A Setting ? Learning In A Workplace." *Australian Journal of Adult and Community Education*. 33(1), 4-14.

Bloomer, G (1985). "Linking School And Industry, A Survey Of Current Practise." *Educational Research* Vol. 27, No. 2 , Jun 1985.

Bloomer, G. (1988). "Challenging The MSC." London : Pluto.

Chew (1993). "Education Resource Development And Economic Growth." Masalah Pendidikan Kuala Lumpur : Universiti Malaya. Jilid 18. 1-8

Cohen, Louis dan Marion, Lawrence (1994). "Research Methods In Education." London : Rout Ledge.

Dennis, Anita (1996). "The Next Generation." *Journal Of Accountancy*. 182 (6) : 89-92.

Education And Training Journal (1990). "Companies And Employees Call For More Training." *Education And Training Journal*. 32 (4) : 26-27.

English, Denise M. Koeppen, David R. (1993). "The Relationship Of Accounting Internship And Subsequent Academic Performance." *Issue in Accounting Education*. 8(2) : 292-299.

Fesler, Robert D. & Caldwell W. (1999). "The Accounting Internship. A Win-Win For Employers And Students." Retrieved 29 January 2002 on : http://www.tscpa.com/beta/journal/july-august/accounting_internship.htm

Fong Chan Ong (1994). "Pendidikan Dan Latihan Ke Arah Mencapai Wawasan 2020." dalam. Ibrahim Abu Shah. "Perspektif Sumber Manusia Ke Arah Mencapai Wawasan 2020." Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur. 3-23.

Hajjah Noresah Baharom (2000). "Kamus Dewan Edisi 3." Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur.

Hatcher, J (1995). "From Apprentice To Instructor : Work Ethic In Apprenticeship Training." *Journal Of Industry Teaching Education*. 83 (1), 24-25.

Hyland, T (1994). "Competence, Education And NVQS." London : Cassell Educational. Ltd.

Ismail Asis (1999). "Tinjauan Ke Atas Keberkesanan Program Latihan Industri Di Politeknik Sultan Ahmad Shah." ITTHO.

Izham Shafie (1996). "MS 1003 : Statistik." Universiti Utara Malaysia, Kedah

Johari H. S. Othman (1993). "Industrial Training Program : Is It Necessary ?." Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.

Kartini Kamarulzaman (2001). "Tinjauan Mengenai Keperluan Latihan Industri Dalam Program Latihan Pensyarah Politeknik : Satu Kajian Kes Di Kalangan Graduan Sarjana Pendidikan (Teknikal) Di KUITTHO." KUITTHO, Batu Pahat.

Kerajaan Malaysia (1991). "Malaysia : Melangkah Ke Hadapan (Wawasan 2020)." Percetakan Negara, Kuala Lumpur.

Kermit D. Larson (1996). "Fundamental Accounting Principles." Fourteen Edition. Irwin, USA.

Khariani, Hafizah Dan Nik Ahmad Rizal (2001). "Perspektif Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal KUITTHO Terhadap Keberkesanan Latihan Industri." KUITTHO : Projek Sarjana.

Laila Musa (2001). "Persepsi Pelajar Diploma Akauntasi Terhadap Program Latihan Industri : Tinjauan Di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah." KUITTHO : Projek sarjana.



Lutfi Abas & Awang Sariyan (1988). "Kamus Pelajar Delta." Pustaka Delta Pelajaran, Selangor.

MIA (2002). "Setting Up Practice In Malaysia." Retrieved 29 January 2002 on <http://www.mia.org.my/misc/practice.htm>.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." UTM, Skudai.

Mohd Majid Konting (1990). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Mondy, R. W., Noe, R.M & Premeaux, Shane R. (1999). "Human Resource Management." International Edition. New Jersey : Prentice Hall International.

Ng Eng Kong (1999). "Keberkesanan Program Latihan Industri Untuk Pelajar-Pelajar Tahun Akhir Sarjana Muda Teknologi Dengan Pendidikan (Kemahiran Hidup)." UTM, Skudai.

Nicholson, Michael And Moss, Dennis (1990). "Matching The Curriculum To The Needs Of Industry." *Education And Training Journal*. 32 (6) : 3-8.

Noor Suriani (2000). "Penglibatan Pelajar Dalam Kegiatan Ko-Kurikulum Sukarela, Satu Tinjauan Di Institut Teknologi Tun Hussein Onn." Batu Pahat : Kajian Kes

Noorul Ashikin Md. Salih (2000). "Persepsi Graduan Diploma Akauntasi Dari Politeknik Kuching, Sarawak Terhadap Program Latihan Industri : Satu Penilaian." ITTHO : Projek Sarjana.

Noraini Kaprawi (2000). "Quality of Working Life And Organizational Effectiveness In Public And Private Higher Education Institution." University Of Manchester : Phd

Noraini Kaprawi (1996). "Hubungan Program-Program Kualiti Kehidupan Bekerja Dengan Kepuasan Kerja Dan Penglibatan Kerja Bagi Pekerja-Pekerja CABOT : Kajian Tinjauan Di CABOT (Malaysia) Sdn.Bhd. Port Dickson, Negeri Sembilan. UTM : Projek Sarjana

Ramlee Mustapha (1999). "Pengintegrasian Akademik Dan Vokasional : Cabaran Pendidikan Alaf Baru." *Jurnal Teknologi*. 32(e). UTM. 11-22.

Rohana Man (2001). "3M Tidak Berkesan-Guru SK Terlalu Terikut Huraian Sukatan Pelajaran Berbanding SJKC". Retrieved 20 Disember 2001 on <http://members.tripod.com/skypin/pendik/pendidik68.html>

Shahril @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som (1999). "Isu Pendidikan Di Malaysia." Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Shahril Marzuki (1993). "Peranan Pendidikan Vokasional Dalam Pembangunan Sumber Tenaga Manusia Bagi Mencapai Matlamat Wawasan 2020." *Jurnal Pendidikan*. Kementerian Pendidikan Malaysia. Jun 1993. Jilid 37

Shirley Smith K. (1968). "Guided To Programme Technique In Industrial Training." Eppy Essex.

Sulaiman Ngah Razali (1996). "Analisa Data Dalam Penyelidikan Pendidikan." Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.

The Star (10 February 1993). "FMM Briefing : The Industrial And Vocational Training System In Malaysia".

Unit Hubungan Dan Latihan Industri (2000). "Garis Panduan Latihan Industri Dan Penulisan Laporan." Kedah : POLIMAS.

Unit Hubungan Dan Latihan Industri (2000). "Garis Panduan Latihan Industri Dan Penulisan Laporan." Perak : PUO
http://harris2012.tripod.com/latihan_industri/panduan_menulis_laporan.htm

Vicary, Elizabeth. "Work Experience Across The Curriculum", dalam Warwick, David (1989). "Linking School And Industry." England ; Basil Blackwell Ltd. 164-178.

Vijayakumari & Abdul Rahman (1992). "Human Resources Development And Industrial Training : An Overview." dalam Patrick Pillai, "Industrial Training In Malaysia :

Challenge And Response." Institute Of Strategic And International Studies (ISIS), Kuala Lumpur.

Ward Mitchell Cates (1985). "Practical Guide To Educational Research." Prentice Hall Inc. Eaglewood Cliffs, New Jersey.

Wellington, Jerry (1993). "Fit For Work ? Recruitment Processes And Needs Of Industry." dalam. "The Work Related Curriculum : Challenging The Vocational Imperative." London : Kogan Poge Limited.

Yahya Emat (1993). "Cabaran Dan Strategi Pendidikan Teknik Dan Vokasional Ke Arah Mencapai Wawasan 2020." *Jurnal Pendidikan*, Kementerian Pendidikan Malaysia. Jilid 37. Jun 1993.

Zainal Abidin Safarwan (1995). "Kamus Besar Bahasa Melayu." Kuala Lumpur. Utusan Publication Sdn Bhd.



PTTAUTHM
PERPUSSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH